



Ministry of Industry and Primary Resources

**UCAPAN
YANG BERHORMAT
PEHIN ORANG KAYA SERI UTAMA
DATO SERI SETIA AWANG HAJI YAHYA BIN
BEGAWAN MUDIM DATO PADUKA HAJI BAKAR
MENTERI PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER
UTAMA**

SEMPENA
**MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL QURAN 1435/2014
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-
SUMBER UTAMA**

BERTEMPAT
**DEWAN SETIA PAHLAWAN,
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-
SUMBER UTAMA
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**HARI KHAMIS
26 RAMADHAN 1435/ 24 JULAI 2014**

BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM

Yang Mulia

Awang Haji Rusali bin Haji Sapar,
selaku Pengerusi Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran
1435/2014 Kementerian Perindustrian dan Sumber-
Sumber Utama;

Yang Mulia

Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid,
Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian
Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama;

Yang Mulia

Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim, Timbalan
Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan
Sumber-Sumber Utama

Yang Mulia

Ketua-Ketua Jabatan;

Ketua-Ketua Pusat;

Pegawai-Pegawai Kanan;

Pegawai dan kakitangan jabatan dan bahagian di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama serta hadirin hadirat yang peramba/saya hormati sekalian.

Segala puji-pujian bagi Allah Subahanahu wa Ta'ala, selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallullahu 'Alaihi Wasalam, keluarga serta para sahabat dan juga pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI
WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA**

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama bersyukur kehadiran Allah Subahanahu wa Ta'ala kerana dengan rahmat dan hidayahNya jua, kita semua diizinkan hadir di Majlis yang penuh berkebakikan ini dan seterusnya dapat lagi menikmati anugerah Allah Subahanahu wa Ta'ala hidup dalam alam maya yang penuh dengan udara yang dipenuhi dengan gas yang diperlukan untuk hidup seperti oksigen dan lain-lain. Perlu kita ingat anugerah Allah Subahanahu wa Ta'ala itu melimpah ruah dan diberikanNya kepada hamba-hambaNya tanpa mengira sama ada hamba-hambaNya itu dari

golongan yang mengetahui kewujudanNya Yang Maha Esa; samada hambaNya itu yang tahu untuk berterima kasih di atas limpah kurniaNya itu; atau samaada hamba-hambaNya itu adalah golongan yang taat menurut perintahNya atau pun yang engkar menentang perintahNya tanpa mengurangkan satu iota sekali pun di dunia ini walaupun hamba-hambaNya makin bertambah dan makin buta dan tuli hati.

Cuba kita bayangkan sahaja apabila udara yang kita sedut selama ini mulai dicemari dengan gas-gas yang penuh dengan racun dan tidak bermaya seperti apa yang berlaku pada 21 August 1986 di kawasan Tasek Nyos, Cameroon, Benua Afrika apabila, satu perkampungan di Tasek itu telah tidak diketahui telah diselubungi dengan gas karbon dioksida (CO₂) yang telah mengorbankan 1,700 jiwa, (kebanyakannya dalam tidor mereka) dan 3,500 ekor ternakan.

Kita juga patut bersyukur kehadiran Allah Subahanahu wa Ta'ala kerana kita dapat meneruskan kehidupan kita itu dalam suasana Negara aman, tenteram dan sejahtera tanpa hirau-pirau, hiruk-pikuk di bumi Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini. Kita dapat menjalankan ibadat puasa dalam suasana damai dan penuh aman ditambah lagi dengan kemurahan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melonggarkan waktu berkerja supaya rakyat dan penduduk Negara ini boleh melakukan ibadat puasa; ditambah lagi dengan kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerabat Diraja menganugerahkan buah-buah kurma yang didatangkan khas dari Arab Saudi.

Kita juga perlu bersyukur kehadiran Allah Subahanahu wa Ta'ala kerana memberikan rezeki yang luas bagi membolehkan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dapat menyediakan berbagai kemudahan kepada rakyat dan penduduk Negara ini, samaada

dalam bentuk kemudahan pembelajaran, perubatan, perumahan; dan kemudahan-kemudahan untuk akhirat seperti kitab-kitab suci Al-Quran, masjid-masjid sehinggalah kepada kemudahan-kemudahan bukan asas seperti bantuan-bantuan pertanian, perusahaan, baja, racun dan ubat penyakit tumbuhan dan haiwan dan lain-lain.

Kita diingatkan di salah sebuah negara Islam jiran kita, kitab-kitab suci Al-Quran tidaklah sejuntrah dan sebanyak mana. Kita diingatkan lagi di zaman jajahan komunis selepas perang dunia kedua, penduduk-penduduk Islam di negara-negara Islam di Asia Tengah diharamkan untuk menyimpan kitab suci Al-Quran dan melakukan sebarang kegiatan keagamaan. Saya masih teringat ayat-ayat suci Al Quran 30 juz yang cuma dapat dipahat di dinding kayu sebuah masjid utama di Wilayah Xian, China. Dengan ertikata lain: memiliki kitab suci Al-Quran memang susah bagi setengah negara; tetapi di Negara ini kita disediakan

dengan kitab suci Al-Quran dengan mudah dan berlebihan serta bermacam bentuk: besar, kecil, panjang, pendek, nipis dan tebal.

Rakyat tidak lagi perlu mempersoalkan hasrat dan keupayaan Kerajaan dalam menyediakan berbagai jenis kemudahan-kemudahan, termasuk menyediakan kitab suci Al-Quran. Persoalan di kemudian hari nanti bukanlah: Apa atau berapa jumlah kemudahan rakyat dan penduduk Negara ini sudah terima; tetapi apakah rakyat dan penduduk Negara ini, khususnya pegawai dan kakitangan di Kementerian ini, telah menfaatkan kurnia-kurnia tersebut bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menjadikan bangsa kita celik Al-Quran dan agama serta azam Baginda untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah Negara Zikir yang sentiasa mengagungkan Allah ? Apakah kitab suci Al-Quran itu digunakan sepenuhnya untuk dibaca dan dimentela'ah serta dijadikan panduan untuk menguatkan aqidah kita atau cuma untuk perhiasan

dan disimpan sahaja mengumpul habuk memandangkan ianya diberi secara percuma dan kita mendapatkan sahaja sebab kita tidak mahu kalah ingin memilikinya juga, tanpa mengetahui lebih mendalam tanggungjawab yang perlu ditunaikan apabila memilikinya ?

Sempena dengan kita menyambut Sambutan Nuzul Al-Quran ini saya sekali lagi ingin mengingatkan diri saya sendiri dan mengingatkan para pegawai dan kakitangan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama kepada betapa perlunya kita memperbaiki amalan-amalan kita sama ada yang berhubung sesama manusia (hablim min nanas) atau hubungan kita dengan Allah Subahanahu wa Ta'ala, pencipta kita (hablim min Allah).

Dalam hubungan ini, saya ingin membawakan satu peringatan dan nasihat yang dikaitkan dengan salah seorang sahabat Rasulullah Sallallahu 'Alaihi

Wasallam, iaitu Syaidina Ali, Radiallahu ‘anhu antara lain berbunyi : **Siapa yang pada hari ini adalah sama dengan hari semalam adalah rugi; Siapa yang pada hari ini adalah buruk, adalah celaka; Siapa yang pada hari ini adalah lebih baik dari semalam adalah untung.**

Di Majlis yang penuh berkebijakan pagi ini, saya akan menyentuh satu amalan yang perlu kita perbaiki iaitu amalan membaca dan menghayati kitab suci Al-Quran di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Sebelum itu saya ingin membawakan satu kisah lucu di negara jiran (bukan di Brunei Darussalam dan bukan juga cerita mengenai diri saya sendiri) mengenai dengan kisah seorang pemuda yang langsung tidak pandai membaca Al-Quran tetapi berhasrat besar untuk mengahwini anak gadis pak imam. Pada suatu hari, pemuda ini dijemput untuk majlis tedarus/membaca Al-Quran. Oleh kerana inginkan sangat dengan anak

gadis pak imam ini, pemuda itu terus menerima undangan dan bersiap dengan pakaian jubah dan sahal menyerupai orang alim dan pandai membaca Al-Quran untuk memikat si gadis dan bapanya. Apabila majlis bermula disurungkanlah Al-Quran kepada pemuda itu. Ini membuatkan pemuda itu terus cemas dan panik. Tidak sangka dia kena jemput untuk membaca Al-Quran juga. Macam mana mau baca depan bakal bapa mentua ini, sedangkan *alif, lam, mim* pun tidak pandai menyebut. Lantas pemuda itu terdiam dan akhirnya menangis berhabisan menitiskan air mata mengenangkan nasib yang menimpa dirinya: malu tidak pandai membaca; dan peluang untuk mendampingi gadis pak imam ini memang akan terlepas. Perhatikan keadaan ini, pak imam pun terharu dan hairan kenapa pemuda ini menangis berhabisan di hadapan Al-Quran. Serta merta terlintas difikirannya mungkin pemuda ini betul-betul memahami isi kandungan ayat yang akan dibacanya lalu dengan megah dia mengatakan kepada jemaah yang hadir bahawa pemuda ini betul-betul

faham erti ayat yang hendak dibacanya sehinggakan dia menangis berhabisan menitikkan air mata. Cukuplah dan tidak payahlah dia disuruh membaca. Selamatlah pemuda itu oleh tangisan - buat kali pertama. Lepas itu saya tidak tahu apa jadi pemuda dan gadis tersebut.

Kita diingatkan bahawa mempelajari kitab suci Al-Quran dari belajar membaca dan mengeja sehingga memahami maksud dan tujuan yang terkandung di dalamnya bukanlah mudah dan tidak dapat dilakukan secara menggerosoh sekali khatam sahaja. Jalaludin Rumi (yang meninggal dalam tahun 1273), seorang penyair Islam termasyur mengibaratkan kitab suci itu semacam seorang pengantin baru (di zaman dahululah) malu-malu, segan-silu dan enggan untuk mendedahkan auratnya kepada bakal suami jika suaminya itu kasar dan menggerosoh; dan keindahannya tidak akan mendapat dinikmati jika tidak sabar dan tidak berusaha untuk memujuk dan merayu dengan lembut atau halus.

Dalam kita membaca, memahami dan menghormati kitab suci Al Qur'an, kita adalah membesarkan dan mengagungkan Allah Subhanahu wa Ta'ala sebab Al Qur'an itu adalah kalam Allah. Telah diriwayatkan, 'Ikrimah bin Abu Jahl, anak kepada Abu Jahl (seteru Rasulullah) dan pada awalnya adalah seorang penentang dan kemudiannya sahabat Rasulullah, sangat gusar hatinya bila melihat lembaran-lembaran yang bertulisan Al-Qur'an berserak-serak seolah-olah tersia-sia, lalu ia memunggunya selembor demi selembor, sambil berkata: "Ini adalah kalam Tuhanku! Ini adalah kalam Tuhanku, membesarkan kalam Allah bererti membesarkan Allah."

Berbalik kepada cerita pemuda menangis tadi, menangis juga merupakan cara kita mengagungkan dan membesarkan kekuasaan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Mengikut Fakhr Ad Din Ar Razi, salah seorang ulama Islam dan pengkaji Al-Quran yang masyur: "Cara panca indera mata manusia mengagungkan kebesaran Allah Subhanahu wa Ta'ala adalah dengan titisan air

mata; cara telinga mengagongkannya ialah dengan mendengar; cara lidah mengagongkannya pula ialah dengan menyebut dan memujinya; cara tangan mengagongkannya ialah dengan menghulurkan sedekah; cara tubuh badan mengagongkannya pula ialah kerahan tenaga dan usaha; cara hati mengagongkannya ialah dengan takwa dan sentiasa berharapan; dan cara rohani manusia mengagongkannya ialah dengan berserah diri kepadanya dengan penuh redha”.


Oleh yang demikian, jika lidah kita tidak dapat sama-sama membesarkan Allah Subhanahu wa Ta’ala, kerahlah tenaga untuk turun ke surau di Kementerian ini setiap pagi sebelum memulakan pekerjaan; dengarkanlah bacaan-bacaan dari kitab suci itu dan terjemahannya mana tahu kita diberi ilham dan cahaya agama.

Kita diingatkan bahawa setiap ayat-ayat dalam Al-Quran itu ada maksud dalaman dan zahir dan berbagai

terjemahan yang tidak khusus. Setiap penjelasan dalam kitab suci itu merupakan sumber cahaya bagi mereka yang diberikan rahmatNya.

Paling rendah pun kita dapat pengetahuan dan ilmu yang berguna dapat mengetahui perkataan-perkataan Arab untuk kegunaan urusan seharian. Nanti kalau ingin menamai anak atau rumah boleh kita berpandukan kepada potongan-potongan ayat dari kitab suci, seperti perkataan Al Mukrabbin dan lain-lain. Suatu masa dulu saya dicadangkan untuk menamai anak lelaki saya Khairul Raazikin seperti yang disebut dalam surah Al Jumaah. Tetapi setelah dibaca maksudnya tidak sesuai untuk diberikan kepada anak sebab maksudnya adalah ***dia pemberi segala reziki***. Saya tidak mahu anak saya dinamai sedemikian; sedap didengar tetapi tidak sesuai untuk anak-anak. Begitu juga kawan kita yang memberikan nama Zambariah, sedap didengar tetapi maksudnya adalah lembu. Jangan pula nanti kita ingin menamai khinziriah atau jahiliah dan sebagainya. Ini sekurang-kurangnya

manfaat yang dapat kita perolehi dari kita suci itu. Sumbangan kitab suci Al-Quran lebih banyak lagi dari pada itu semua, jika kita memahaminya dan jika kita tidak tuli, bisu dan buta seperti yang disebutkan dalam ayat 18 surah Al Baqarah yang berbunyi:

 صُمُّوا بِكُمْ عُمًى فَهُمْ لَا يَرِجِعُونَ

“ Mereka tuli, bisu dan buta tidak dapat melihat jalan kebenaran dan petunjuk Allah Subahanahu wa Ta’ala.”

Di Kementerian kita, satu kelonggaran telah diberikan untuk semua pegawai dan kakitangan melapangkan masa dari jam 7.45 minit pagi hingga selesai acara tersebut seperti yang diarahkan oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Surat Keliling bagi membolehkan semua pegawai dan kakitangan kerajaan memulakan pekerjaan mereka setiap pagi dengan membaca dan menghayati kitab suci Al-Quran. Kita di Kementerian ini, kita tambah lagi dengan pelajaran

tajwid dan lain-lain seperti khasiat-khasiat sesuatu surah atau ayat dalam kitab suci itu. Jangan jadi orang rugi. Saya difahamkan Kementerian lain dahagakan peluang sedemikian. Dan jangan pula disalahgunakan kelonggaran tersebut, iaitu datang sudahlah lewat; mengaji pula kalau ditanya jawapannya uzur. Tak kan pegawai lelaki uzur.

Menyentuh tentang sebutan-sebutan ayat dalam kitab suci Al-Quran susah untuk dibetulkan itu, saya rasa adalah perkara kecil dan bukan menjadi penghalang untuk terus mempelajari kitab suci Al-Quran.

Saya teringat satu cerita seorang guru yang mengajar anak muridnya tentang bacaan surah Al Ikhlas, iaitu apabila tiba pada sebutan **Allahus shamad**. Murid guru ini tidak juga betul-betul menyebutnya dan sebaliknya menyebut **Allahus samat**. Jadi suatu hari sedang mereka berdua ini berkayuh di sungai di kampung mereka (bukan

kampong saya), mereka telah dikejar oleh sekumpulan buaya ganas. Jadi tok guru itu mengesalah supaya anak muridnya itu mendayung dengan lebih kuat dan sambil itu membaca surah Al Iklas, sebab maksud **Allahus Shamad** itu **Allah adalah tuhan tempat manusia memohon pertolongan**. Tiba pada ayat Allahus Shamad, murid itu masih juga Allahus samat dengan mahraj dan kalkalah sungsang terbalik. Jadi tok guru cuba juga untuk membetulkan. Dalam keadaan cemas itu pun dia tidak berjaya; tetapi kumpulan buaya itu nampaknya gagal untuk menenggelamkan perahu mereka. Ertinya amalan mereka itu mujarablah. Perhatikan keadaan itu, tok guru itu pun berkata “**Allahus samat, Allahus samatlah tak kira asal saja yakin.**”

Jika kita di negara Mesir, Perdana Menteri Malaysia akan di sebut Dato Seri Naquib, bukan Dato Seri Najib sebab huruf **jai** susah mahu disebut dan ia dijadikan **qui**; begitu juga dengan nama Presiden Jamal Abdul Nasser adalah disebut dan dieja dengan Gamel

Abdul Nasser. Kalau sudah lidah tak betul kalau umur sudah macam saya 60 tahun, amat susah untuk membetulkan. Yang mustahak adalah niat baik kita untuk belajar kita tidak mahu tambahan tekanan darah tinggi sebabnya nanti.

Semua kegiatan ini, saya anggap adalah untuk menyediakan dan melengkapkan diri setiap pegawai dan kakitangan Kementerian ini untuk menjadi pemimpin yang penuh bertanggungjawab. Saya tidak mahu mendengar cerita nanti di rumah si polan bin si polan yang berkerja di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Menterinya Pehin Yahya atu, yang menjadi imam adalah anaknya dan bukan si ayah. Kan mengalahkan anak dalam kenakalannya (gauknya). Saya mahu dalam pertandingan membaca kitab suci Al-Quran di peringkat Kementerian yang mewakili Kementerian adalah pegawai tetap dan bukan pegawai sambilan. Saya mahu semua pegawai dan kakitangan di Kementerian ini betul-betul celik, betul-betul lancar membaca Al-Quran dan boleh menjadi

imam kepada keluarga dan kakitangan di bawah jagaan masing-masing serta lancar dan hafal membaca doa. Bukan potongan doa ***rabbana atina fitdunia*** saaja.

Kita diingatkan dengan sabda Rasulullah mengenai peranan setiap pemimpin. Sabda Rasulullah Sallullahu 'Alaihi Wassalam:

Kamu sekalian pemimpin dan kamu sekalian akan diminta bertanggungjawab tentang apa yang kamu pimpin. Imam adalah pemimpin dan ia akan diminta bertanggungjawab tentang apa yang dipimpinnya. Orang laki-laki (suami) adalah pemimpin dalam lingkungan keluarganya, dan ia akan ditanya tentang apa yang ia pimpin. Orang perempuan (isteri) juga pemimpin dalam mengendalikan rumahtangga suaminya, dan ia juga akan ditanya tentang apa yang ia pimpin, dan pembantu rumahtangga juga pemimpin dalam

mengawasi harta benda majikannya, dan ia juga akan ditanya tentang apa yang ia pimpin.

(diriwayatkan oleh Imam Bukhari)

Kegiatan membaca dan menghayati kitab suci Al-Quran setiap pagi sebelum memulakan pekerjaan ini, saya harap juga akan dapat memantapkan aqidah pegawai dan kakitangan di Kementerian ini. Dalam pembetulan aqidah yang kuat di kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian ini saya ingin menekankan pentingnya ia berpadukan kepada ajaran-ajaran agama Islam dengan sifat-sifat seorang MUHSININ. Dalam hal ini saya ingin membawakan ayat 12 dari surah Al-Mulk yang menekankan perlunya kita sentiasa bertakwa, takut kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala walaupun, Allah itu tidak kenampakan oleh kita; tetapi kita sentiasa dalam pengawasan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Ayat itu berbunyi:

إِنَّ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِالْغَيْبِ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ كَبِيرٌ ﴿١٢﴾

Mafhumnya “Sesungguhnya orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka (walaupun) mereka tidak melihatNya, mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar”.

Ini hasrat saya bagi semua pegawai dan kakitangan di Kementerian ini mempunyai etika dan integriti kerja yang dipuji bukan sahaja oleh manusia tetapi juga oleh Allah Subahanahu wa Ta’ala. Ertinya kita akan sentiasa melakukan setiap perbuatan itu dengan betul, jujur dan ikhlas bukannya berpura-pura dan sentiasa takut kepada balasan daripada Allah Subahanahu wa Ta’ala.

Saya juga ingin membawakan petikan dari kertas kerja Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan kita mengenai peristiwa Syaidina Umar Radiallah ‘anhu menangis sambil berkata “Demi Allah! Jika seekor baghal (bintang kacukan kuda

dengan keldai) terjatuh di kawasan pemerintahnya di Iraq kerana jalannya yang berlopak-lopak nescaya Allah akan tanya saya: “Mengapakah tidak engkau perbaiki jalan itu, wahai Umar?”. Itu cuma seekor bintang dan di jalan di luar penglihatannya, masih saja merisaukan Syaidina Umar, membuatnya takut ditanya oleh Allah tentang tanggungjawabnya sebagai pemimpin.

Ucapan saya di Majlis pagi ini banyak menyentuh episode menangis dari seorang pemuda dan sepasang mata serta seorang khalifah Islam. Jadi saya akan sudahi dengan membawakan satu episod pasal menangis juga yang diselitkan di tazkirah bulan Ramadhan di Masjid Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Malaysia, seperti berikut:

Seorang lelaki melewati sebuah kawasan perkuburan di suatu malam yang kelam dan sunyi. Tiba-tiba ia terpandang suatu cahaya yang terang benderang muncul dari sebuah kubur, dan

terus menjulang ke langit. Dia merasa sedikit ketakutan dan berdebar.

Terpegun dan kaku melihat kejadian itu. Dia terfikir kemungkinan kubur ini adalah kubur seseorang yang sangat istimewa. Samaada ia seorang waliyullah atau ulamak atau orang soleh yang istimewa kedudukannya di sisi tuhan. Diambilnya sebatang kayu lalu dipacak di atas kuburan yang bercahaya itu.

Keesokannya lelaki itu datang lagi kekawasan perkuburan itu dengan ditemani orang kampung. Beliau ingin menyelidiki dan ingin mengetahui kubur siapakah yang sangat ajaib itu.

Apakah seorang tuan guru atau waliyullah atau alim ulamak atau orang soleh yang terkenal?

Bila bertanya kepada orang kampung, mereka kehairanan kerana apa yang mereka ketahui dan pasti ini adalah kubur seorang lelaki

tua, yang pernah mendiami sebuah pondok diujung kampung bersama isterinya. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut, lelaki itu berkunjung ke rumah si mati dan bertemu dengan isteri si mati lalu menceritakan keajaiban yang dilihat diperkuburan suaminya.

Anehnya isteri si mati terkejut dan kehairanan. Dia sangat mengenal suaminya. Suaminya bukan siapa-siapa. Suaminya seorang petani kecil. Bukan seorang kiyai, bukan seorang ahli ibadat, bukan orang soleh, apa lagi bukan imam, bukan muazzin, bukan guru Al-Quran. Malah suaminya tidak pandai membaca Al-Quran dan dia tidak pernah mendengar suaminya membaca Al-Quran. Hal ini benar-benar menimbulkan kehairan kepada lelaki tersebut dan isteri si mati.

Akhirnya lelaki itu bertanya apakah perkara-perkara aneh yang si mati selalu lakukan dalam

kehidupan sehari-harinya. Akhirnya isteri si mati teringat suatu perkara yang selalu dilakukan oleh si mati, setiap kali sebelum tidur pada setiap malam. Katanya, setiap malam sebelum tidur suaminya akan mengambil wudhu, kemudian masuk di dalam suatu bilik lalu diambilnya Al-Quran di atas rak, lalu dicium dan dipeluknya dengan penuh kecintaan dan kasih sayang.

Ia akan duduk dan membelek Al-Quran itu sehelai demi sehelai seperti sedang membaca, sedangkan ia seorang yang buta Al-Quran. Dia akan meraba-raba ayat-ayat Al-Quran itu dengan tangannya, seolah-olah sedang menyentuh dan membelai sesuatu yang sangat dikasihi. Tambah isteri si mati lagi, ia pernah mendengar rintihan dan esakan tangis suaminya yang sangat sedih, mendayu-dayu dengan penuh penyesalan.

“Tuhanku! Ampunkanlah aku kerana aku tidak mampu membaca kalimah mu. Janganlah engkau hukum aku di atas kebodohanku ini.”

“Wahai Kalam Allah, maafkan kesalahan ku. Aku tidak mampu membaca kalimah mu. Aku tidak dapat bersahabat dengan mu “.

“Aku tidak dapat memahami mu. Tapi aku sangat mengasihi mu. Aku sangat mencintaimu. “

“Wahai Kalamullah, janganlah engkau mendakwa aku, jangan engkau menuduh aku dihadapan Tuhan di akhirat nanti”.

Cerita isteri si mati lagi, kadang-kadang suaminya tertidur di dalam bilik itu ditemani Al-Quran buah hati kesayangannya.

Begitulah suaminya setiap malam sebelum tidur. Lelaki itu meminta untuk melihat Al-Quran kesayangan suaminya itu. Benar dan sangat

mengharukan apabila ia melihat naskah yang mulia itu kelihatan lusuh, helaian-helaiannya kelihatan selalu dibeleg berkali-kali. Dan ada bekas-bekas airmata di kertasnya, tanda seseorang sering menangis berjurai airmatanya tatkala membuka lembaran yang maha suci ini.

Pastinya lelaki ini sangat mulia peribadinya. Hatinya telah bersatu dengan roh Al-Quran. Dia sangat mengasihi kalimat tuhan dengan sesungguhnya. Bererti ia mengasihi tuhan dengan seluruh jiwa dan raganya.

Saya bawakan kisah ini dengan tujuan supaya kita menghidupkan Al-Quran di dalam masjid kita, di dalam Kementerian kita, di dalam rumah kita, di dalam diri kita, sepanjang waktu khasnya di bulan Ramadhan, bulan pengampunan yang sedikit masa lagi akan meninggalkan kita.

Sebelum saya mengundurkan diri pada pagi ini, saya ingin mengambil peluang keemasan ini untuk menyampaikan ucapan Selamat Menyambut Aidil Fitri Yang Mubarak dari saya, isteri saya dan seluruh keluarga kepada semua pegawai dan kakitangan serta keluarga masing-masing.

Saya juga dengan rendah diri dan tulus ikhlas memohon kemaafan dan keampunan dari abis kita jika ada tutur bahasa yang kasar atau kurang sedap didengar serta tingkah laku yang menyakitkan dan tidak menyenangkan terutama kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian yang berurusan langsung dengan saya.

Saya ingin sudahi ucapan ini dengan iringan doa solat dhoha berikut:

اللَّهُمَّ إِنَّ الضُّحَاءَ ضُحَاءُكَ وَالْبَهَاءَ بَهَاءُكَ وَالْجَمَالَ
جَمَالَكَ وَالْقُوَّةَ قُوَّتَكَ وَالْقُدْرَةَ قُدْرَتَكَ وَالْعِصْمَةَ
عِصْمَتَكَ . اللَّهُمَّ إِنْ كَانَ رِزْقِي فِي السَّمَاءِ فَأَنْزِلْهُ وَإِنْ كَانَ
فِي الْأَرْضِ فَأَخْرِجْهُ وَإِنْ كَانَ مُعَسَّرًا فَيَسِّرْهُ وَإِنْ كَانَ حَرَامًا
فَطَهِّرْهُ وَإِنْ كَانَ بَعِيدًا فَقَرِّبْهُ مَحَقِّي ضُحَاءِكَ وَبَهَاءِكَ وَجَمَالَكَ
وَقُوَّتِكَ وَقُدْرَتِكَ آتِنِي مَا أَنْتَ عِبَادُكَ الصَّالِحِينَ .

Ya Allah, sesungguhnya waktu Dhuha itu waktu Dhuha-Mu, keagungannya adalah keagungan-Mu, keindahan itu keindahan-Mu, kekuatan itu kekuatan-Mu, kekuasaan itu kekuasaan-Mu dan perlindungan itu perlindungan-Mu.

Ya Allah, jika rezekiku masih di langit turunkanlah, dan jika di dalam bumi keluarkanlah, jika sukar permudahkanlah, jika haram sucikanlah dan jika jauh dekatkanlah.

Berkat waktu dhuha, kecantikan, keindahan, kekuatan, kekuasaan-Mu, limpahkan kepadaku segala yang Engkau telah limpahkan kepada hamba-hamba-Mu yang soleh.

Sekian Wabillahir Taufik Wal hidayah
Assalamualikum Warahmatullahi Wabarakatuh.